

## Menu Utama

[Biografi](#)

[Salasilah](#)

[Kisah Hidup](#)

[Seni Muzik & Lagu](#)

[Seni Lakon & Filem](#)

[Komposer Sezaman](#)

[Bintang Legenda](#)


[Sejarah Shaw Brothers](#)

[Galeria Nostalgia](#)

## Maklumat Tokoh Muzik Dan Penulis Lirik Era Kegemilangan Filem Melayu

### ZUBIR SAID

Zubir Said dilahirkan pada 22 Julai 1907 di Bukit Tinggi, sebuah daerah di Minangkabau Barat, Sumatera. Beliau merupakan anak sulung dalam keluarganya, mempunyai 2 adik lelaki dan 5 adik perempuan. Ayahnya adalah seorang penghulu bernama Mohamad Said bin Sanang. Ibu beliau merupakan isteri pertama ayahnya (Mohamad Said), meninggal ketika Zubir baru berusia tujuh tahun. Zubir mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah Belanda dan lebih menunjukkan minat kepada bidang muzik berbanding matapelajaran akademik lain, walaupun mendapat tentangan ayahnya. Namun Zubir tetap dengan minatnya dan mula belajar mengenai *Solmisasi* iaitu sistem muzik solfa yang menggunakan sistem nota muzik bernombor daripada guru pengakapnya, sementara rakan sekelasnya di sekolah rendah mengajarnya cara bermain dan membuat flut. Sejurus sebelum masuk ke sekolah menengah, beliau belajar bermain gitar dan gendang daripada rakan-rakan dalam persatuan keroncong. Namun begitu, bakat dan keinginan beliau ditentang hebat oleh ayahnya. Ayahnya mengharapkan Zubir dapat menggantikan tempatnya sebagai penghulu kampung, tetapi hampa apabila Zubir menjadi ahli kumpulan keroncong kampung mereka. Menyedari beliau tidak dapat memenuhi hasrat ayahnya, ketika berusia 21 tahun Zubir meninggalkan kampung halamannya bersama kumpulan keroncong tersebut dan mengikuti persembahan di seluruh Sumatera. Ketika inilah Pak Zubir diberitahu tentang peluang mencari pekerjaan dalam bidang muzik di Kota Singapura oleh seorang kelasi dan mengambil keputusan untuk mencuba nasib sebagai seorang pemuzik di sana. Beliau kemudiannya menetap di Singapura.



Setibanya beliau di Singapura pada tahun 1928, Zubir menjadi pemain biola dengan The City Opera, sebuah kumpulan Bangsawan yang masyhur. Pemain biola kumpulan tersebut yang sudah berumur meminjakan Zubir biola dan mengajar Zubir membaca nota muzik baluk. Memandangkan Zubir seorang pelajar yang teliti dan tekun, beliau dapat menyalin semua skor muzik yang pernah dimainkan dengan kumpulan tersebut dalam nota bernombor dan nota baluk pada masa yang singkat. Beliau akhirnya menjadi ketua pancaragam Bangsawan City Opera sehingga tahun 1936. Setelah berhenti dari City Opera Pak Zubir menyertai Syarikat rakaman, His Master's Voice (HMV) sebagai penyelia rakaman. Pada tahun 1938 Pak Zubir berkahwin dengan penyanyi keroncong terkenal, Tarminah Kario Wikromo\* yang juga berasal dari Indonesia. Ketika Perang Dunia Kedua tercetus, Pak Zubir dan isteri pulang ke Sumatera dan hanya kembali ke Singapura pada 1947.

Itulah kisah awal pembabitan Pak Zubir yang memulakan karier muziknya di Singapura pada tahun 1928 dengan kumpulan Bangsawan City Opera. Setelah tamat perang dan kembali ke Singapura pada tahun 1947, Pak Zubir pernah menyertai Utusan Melayu menjadi jurugambar. Sebelum menyertai Shaw Brothers pada tahun 1949, Pak Zubir bekerja di Sandiwara Dardanela. Selepas itu, beliau bertugas di syarikat His Master's Voice (HMV). Tidak lama selepas beliau ditawarkan bekerja di Syarikat Shaw Brothers sebagai penyusun lagu-lagu filem MFP, Pak Zubir kemudiannya diberi kepercayaan menjadi pemimpin Orkestra Shaw Brothers' Malay Film Production pada 1949, dan kemudiannya sebagai penggubah skor untuk filem Melayu di Cathay Keris Film Productions dari 1952 hingga 1964. Kerjaya sebagai pemimpin Orkestra Studio Malay Film Productions (MPO) milik Shaw Brothers bermula pada tahun 1949 dimana beliau banyak menghasilkan lagu-lagu untuk filem.

Pak Zubir yang dianggap sebagai guru kepada ramai penggubah terkemuka di rantau ini, misalnya P. Ramlee dan Wandly Yazid, telah menerima banyak pujian dan anugerah daripada kerajaan dan badan-badan seni di Singapura. Mengenai ketokohan Pak Zubir, P.Ramlee pernah berkata "*Pak Zubir berkeperibadian Melayu dan aku caca merba (cincai)*". Pengiktirafan bagi Pak Zubir tercapai apabila kerajaan Singapura mengarahkan beliau menggubah lagu kebangsaan Republik itu, Majulah Singapura, dan beberapa lagi lagu-lagu rakyat yang bersifat patriotik, termasuklah Semoga Bahagia dan Orang Singapura yang menjadi lagu tema bagi Hari Kanak-Kanak dan Pesta Remaja Singapura. Pak Zubir juga telah diminta menggubah lagu kebangsaan Tanah Melayu yang baru sahaja mencapai kemerdekaan pada Ogos 1957 tetapi ini tidak terlaksana kerana ketidakefahaman yang timbul di antara beliau dengan Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman. Namun beliau dikenali ramai sebagai seorang yang merendah diri dan tidak pernah megah dengan pencapaiannya. Tidak diketahui bilangan sebenar lagu yang telah digubah oleh Pak Zubir sehingga kematiannya pada 16 November 1987 di Singapura dalam usia 80 tahun, namun ada yang menjangka bilangannya menjangkau 1,000 lagu, termasuk lagu-lagu terkenal seperti Sayang Disayang nyanyian asal Rubiah dari Filem Racun Dunia dan telah dirakamkan semula oleh Kartinah Dahari dan Perigi Biru. Pak Zubir meninggalkan 4 orang anak perempuan dan seorang anak lelaki.

Sebagai penggubah yang penting dan disanjung di zamannya, Pak Zubir dianggap oleh ramai orang sebagai penggubah jiwa Melayu yang sebenar. Beliau menggubah lagu bersifat tradisional, tetapi masih berunsur moden dan patriotik, diungkap dengan mesej sejarah dan erti kemelayuan. Wartawan A. Samad Ismail pernah berkata bahawa Pak Zubir dan rakan senimannya dari Minangkabau telah mengocakkan ombak kesedaran kebangsaan dalam dekad bersejarah 1950an. Zubir Said menerima anugerah Sijil Kemuliaan dari Yang Dipertuan Negara Singapura, Encik Yusof Ishak, pada 16 Mac 1963.


Antara lagu-lagu terbaik beliau yang popular hingga ke hari ini ialah lagu *Setangkai Kembang Melati (Nyanyian Abdullah Chik & Jamaliah Shariff)*, *Nasib Malang (R Ismail - Filem Julia Bintang Tujuh)*, *Anak Daro (Umi Kalthum - Filem Tunang Pak Dukan)*, *Sang Rembulan (P.Ramlee -*

*Racun Dunia, Cinta - P. Ramlee & Asiah (Filem Chinta), Selamat Berjumpa Lagi - P. Ramlee & D. Harris (Filem Chinta), Mari Pancing Ikan ( P.Ramlee), Gelora Asmara (P. Ramlee & Momo Latiff), Kumbang Dan Rama-Rama - P. Ramlee & Asiah (Filem Chinta), Melodi Asmara ( P. Ramlee & Asiah), Kolam Mandi ( P. Ramlee & Asiah - Filem Racun Dunia), Jodoh (Ikan Di Laut Asam Di Darat - Nyanyian R Azmi & Rubiah - Filem Dewi Murni), Nada Merindu ( Asiah - Filem Cucu Dato' Merah) dan Sirih Pinang ( Asiah - Filem Bawang Putih Bawang Merah).*

\* Isteri Pak Zubir, Tarminah meninggal dunia pada 13 Mei 2007 di Johor Bahru.

#### AHMAD JAAFAR

Ahmad Jaafar dilahirkan di Binjai, Sumatera Utara, Indonesia pada 30 hb Ogos 1919. Ibunya bernama Ulung Rajunah, sementara bapanya Jaafar, merupakan seorang ejen wayang gambar bisu sementara bapa saudaranya pula seorang tukang biola yang menjadi penghis lagu-lagu hiburan di era filem-filem bisu dan pentas bangsawan ditayangkan. Minat beliau terhadap bidang muzik berputik sejak muda lagi. Dibesarkan oleh neneknya, semasa beliau berumur enam tahun, beliau mula belajar bermain perkusi (dram) dan kemudiannya bermain dengan pancaragam panggung wayang yang mengiringi tayangan filem bisu.



Didikan formal bagi Ahmad hanya bermula apabila beliau belajar bermain biola dengan bapa saudaranya. Kemudian ketika berusia 15 tahun, Ahmad menggunakan kemahiran baru yang diperolehinya untuk menyertai Pancaragam Medan Amateur di bawah naungan Sultan Langkat di awal tahun 1930-an yang dipimpin oleh Mohamad Darus Omar, Pengarah Band Tentera Sultan Langkat. Sambil berkhidmat dengan pancaragam tersebut, Ahmad mendapat didikan muzik yang lebih lanjut daripada ketua pancaragam. Pada tahun 1938, Ahmad berjaya menjadi pemain klarinet dengan pancaragam Simfoni Belanda, White Society, yang bertapak di Medan.

Apabila peperangan dunia ke-2 meletus, Ahmad bersama-sama dengan rakan-rakan bekas kumpulan pancaragamnya menubuhkan kumpulan teater dibawah paksan tentera Jepun menjelajahi Sumatera dan diarahkan membuat persembahan teater bagi memperkembangkan propaganda Jepun.

Apabila perang berakhir, Ahmad berazam untuk meneruskan cita-citanya untuk berkhidmat di Radio Malaya. Pada tahun 1946, Ahmad bersama isterinya, Sutinah Enchu menaiki bot lebih empat jam dari Medan ke Singapura untuk mencuba nasib di Kota Singa itu. Tiba di Singapura tanpa pekerjaan hampir 2 bulan, beliau akhirnya diterima untuk menjadi peniup saxophone dalam Kumpulan Muzik Cecil Wilson yang bermain di Great World Cabaret dimana beliau diperkenalkan dengan Osman Ahmad. Dengan kumpulan muzik ini, Ahmad mendapat bayaran S\$250 sebulan.

Pada tahun 1949, Ahmad Jaafar menyertai Kumpulan Muzik baru, Harry Hackmayer yang bertapak di Restoran Cathay. Dengan kumpulan muzik ini, gaji Ahmad meningkat S\$400 sebulan. Kumpulan muzik ini mengadakan persembahan di hotel-hotel dengan lagu-lagu Melayu, Amerika Latin dan juga lagu-lagu tema bagi pertunjukkan Sarkas.

Pada tahun 1950-an, Ahmad berjaya menjadi pemain muzik 'part-time' dengan Radio Malaya. Ketika inilah beliau mendapat kontrak dengan Shaw's Malay Film Productions dan juga Pertubuhan Cathay Keris untuk mengubah lagu-lagu latar dan nyanyian untuk filem. Di waktu inilah lahirnya lagu-lagu gubahan malar segar beliau seperti Ibu, Selamat Hari Raya dan Bunga Tanjung

Pada tahun 1958, Ahmad berjaya mendapat pekerjaan tetap di Radio Malaya sebagai pemain klarinet, flute and tenor saxophone, ketika ini beliau berpeluang mengadakan persembahan secara profesional dengan Kumpulan Muzik yang ditubuhnya buat pertama kali, Malayannaires. Apabila Singapura mencapai kemerdekaan pada tahun 1963, Ahmad telah dilantik sebagai timbalan pemimpin Orkestra yang baru ditubuhkan, Rayuan Kencana di bawah Radio dan Televisyen Singapore (RTS). Dua tahun selepas itu, Ahmad telah diberi kepercayaan menjadi pemimpin utama Orkestra tersebut sehinggalah beliau bersara pada tahun 1992. Dalam tahun 1970-an, Orkestra di bawah pimpinan Ahmad Jaafar bermain untuk mengiringi penyanyi-penyanyi berbakat dalam pertandingan muzik, Talentime.

Ringkasnya, penglibatan serius Ahmad Jaafar dalam bidang muzik bermula setelah berhijrah ke Singapura pada tahun 1946. Perkenalannya dengan pemuzik Osman Ahmad memudahkan laluan beliau untuk menjadi pemuzik di Kota Singa itu. Pada tahun 1950, beliau diberi peluang mencipta lagu Ibu sebagai lagu tema filem yang sama tajukkan dan lagu itu dinyanyikan oleh P.Ramlee. Beliau kemudian diberi kepercayaan menghasilkan lagu-lagu untuk filem Penghidupan dan beberapa buah filem lagi. Antara lagu gubahannya yang masih segar ialah Selamat Hari Raya nyanyian biduanita Saloma. Lagu-lagu ciptaan beliau turut didendangkan oleh Nona Asiah, R.Azmi, Ahmad Daud dan ramai lagi. Ahmad Jaafar pernah mengasaskan Orkes Rayuan Kencana yang cukup popular di tahun 50-an kerana sering diundang oleh Radio Malaya di Singapura. Beliau juga turut memimpin Orkestra HMV untuk mengiringi rakaman lagu-lagu P.Ramlee ke piring hitam seperti lagu-lagu rakaman dari filem perjodohan iaitu Mengapakah Riag Ria nyanyian P.Ramlee & Normadiah dan juga lagu Sungguh Malangnya Nasibku nyanyian P.Ramlee, lagu-lagu dalam Filem Sedarah seperti Mesra Ibu dan Kalaulah Boleh Ku Lupa dalam Filem Aladin. Pada awal tahun 1990-an (1992) beliau bersara dari Perbadanan Penyiaran Singapura dan setelah itu beliau mengajar muzik.

Ahmad telah mengubah beberapa lagu kegemaran ramai yang diminati hingga masa kini, misalnya Ibu (nyanyian P.Ramlee - Filem Ibu), Selamat Hari Raya (Nyanyian Saloma), Bunga Tanjung (Rubiah), Hujan Lebat dan Tiada Berita. Dipercayai Ahmad hanya mengubah 80 buah lagu tetapi bilangan gubahan dan susunan muzik amat banyak, termasuk beberapa gubahan untuk orkestra simfoni yang dipersembahkan dalam rancangan Malam Irama Malaysia anjuran Radio Malaysia pada tahun 1960an.

Ahmad Jaafar telah dianugerahkan beberapa pingat penghormatan sebagai menghargai sumbangan beliau dan ini termasuk Singapore Administrative Star (Bronze) dan Culture Medallion Award (Silver).

## YUSOFF B

Yusof B atau nama penuhnya Yusof Blugok adalah anak jati Singapura berketurunan Bugis, ibu bapanya berasal dari Sulawesi dan menetap di Singapura pada awal tahun 1890an. Beliau adalah adik kepada Rahman B, ayah penyanyi popular Alina Rahman.

Sejak kecil Yusoff tertarik dengan bidang muzik dan seterusnya menjadi seorang pemuzik yang serba boleh. Beliau boleh bermain saksofon, mandolin, trompet, serunai dan biola serta dengan mudah mendapat kerja di mana-mana kelab malam yang terkenal di Singapura.

Beliau mula mengubah lagu sebelum pendudukan Jepun di Tanah Melayu lagi. Tuahnya menyerlah pada tahun 1948 apabila bertugas dengan Orkestra Malay Film Productions (MFP) bersama-sama dengan Osman Ahmad dan Ahmad Wan Yet yang dikatakan banyak mempengaruhi karya-karya beliau. Lagu-lagu karyanya yang masih dinyanyi dan dirakamkan termasuklah "Suka Sama Suka", "Nona Zaman Sekarang", dan lagu hari raya sepanjang zaman, "Nasib Miskin Kaya". Perkembangan filem Hindi dan unsur-unsur filem Hindi dalam filem Melayu sekitar tahun 50an banyak mempengaruhi Yusoff yang kemudiannya menubuhkan kugiran Hindi bersama Wahid Satay dan Johari Salleh yang dipanggil Chandra Raat (Malam Terang Bulan).



Antara anak murid beliau ialah Aziz Jaafar, Wahid Satay dan Johari Salleh sendiri. Lagu-lagunya banyak dinyanyikan oleh P. Ramlee, Saloma serta penyanyi-penyanyi terkenal dekad 50 dan 60-an. Lagu-lagu popular lain ciptaannya termasuklah Pahlawanku, Semarak Hati (*Filem Juwita*), Saya Suka Berkawan (*Filem Putus Harapan*), Bunga Kembang (*Filem Kerana Kau*), Tari Tualang Tiga (*Filem Sumpah Orang Minyak*), Senyum Tak Berbalas, dan Wanita Dan Teruna (*Filem Iman*). Yusof B meninggal dunia pada 25 Disember 1968.

Sebagai seorang penggubah dan penyusun muzik, Yusoff amat tekun dan teliti. Beliau hanya akan memulakan gubahannya setelah membaca skrip dan mendalami jalan cerita dan mesej filem. Beliau sangat teliti dalam menyusun muzik bagi gubahannya dan dalam memilih artis untuk menyanyikan lagunya.

Yusoff B juga merupakan seorang guru yang mejadi rebutan para pemuzik baru di Singapura misalnya penggubah / pemimpin orkestra Johari Salleh dan pelakon / penyanyi Aziz Jaafar. Johari Salleh menanggap beliau seorang yang berani mencuba sesuatu yang baru dan komited dalam memperkayakan perkembangan muzik Melayu melalui penggunaannya dalam filem.

Anak murid Yusoff B mengangapnya sebagai orang yang bertanggungjawab membangunkan lagu dan muzik Melayu zaman mereka melalui orkestra MFP. Artis popular tahun 50an, termasuk P. Ramlee dan Saloma turut merakamkan banyak lagu malar Yusoff B. Karya klasiknya termasuklah 'Pahlawanku', 'Semarak Hati (dalam Juwitaku)', 'Senyum Tak Berbalas', 'Tari Tualang Tiga' (dalam filem Sumpahan Orang Minyak) dan 'Wanita dan Teruna' (dalam filem Iman). Zaman kegemilangan filem Melayu mula pudar pada tahun 1968 dan secara kebetulan Yusoff meninggal dunia pada tahun yang sama.

Lagu-lagunya dapat didengar menerusi filem-filem seperti "Juwita", "Derita", "Antara Senyum dan Tangis", "Anjuran Nasib", "Patah Hati", "Lupa Daratan", "Miskin", "Cemburu", "Putus Harapan", "Kerana Kau", "Sengsara", "Gelora Hidup", "Iman" dan lain-lain. Kebanyakan lagu ciptaannya dirakamkan oleh Jasni - seperti "Jangan Berlagak Sombong", "Tari Bunga Rampai", "Menari Calypso", "Semarak Hati", "Bahagia", "Cinta Sama Cinta", "Bisikan Padi", "Wanita dan Teruna", "Tari Selendang" dan lain-lain.

Penyanyi pertama yang merakamkan lagu "Nona-nona Zaman Sekarang" ialah A. Rahman iringan Lincoln's Orchestra, dengan tajuk "Nona Zaman Sekarang". Rakaman itu dikatakan cukup popular pada awal tahun 40-an.

Dari awal tahun 50-an hingga akhir 50-an Yusoff B bekerja di Studio Malay Film Productions (MFP). Dari akhir 50-an hingga awal 60-an dia berhijrah ke Studio Cathay Keris, kemudian kembali semula ke MFP sehingga studio itu ditutup pada akhir tahun 60-an. Ketika di Studio Cathay Keris Yusoff B ditugaskan untuk menyusun muzik/mencipta lagu untuk filem Selendang Delima, Orang Licin, Orang Minyak, Raden Mas, Rasa Sayang Eh, Sumpitan Racun, Salah Sangka dan beberapa filem lain.

Yusoff B ini ialah bapa saudara pelakon Aziz Jaafar, me-rekomen'kan Aziz kepada Shaw Brothers untuk diambil bekerja. Secara kebetulan, Aziz Jaafar juga pandai bermain trompet.

"Dalam satu pertunjukan pentas di Kluang, Johor dalam tahun 1962 P. Ramlee memberitahu para penonton Yusof B adalah guru muziknya yang banyak berjasa kepadanya.

Manakala Yusof B yang berdiri di sebelah P. Ramlee bersama saxophonenya dalam pertunjukan itu secara ikhlas pula menyatakan: "Memang Ramlee pernah menjadi anak murid saya, tapi sekarang saya pun belajar dengan dia pula ....."

Pengakuan Yusof B itu telah menyebabkan P. Ramlee menitikkan air mata kerana tenggelam dalam perasaan terharu yang amat sangat."

Sumber: Buku P. RAMLEE - INSAN PESONA SENI tulisan Abmi Jari.

Diantara murid-murid adalah P. Ramlee dan Aziz Jaafar.

Almarhum pandai bermain saksofon, seruling, gitar dan biola. Beliau mahir menghasilkan seruling dari sebatang buluh dan beliau tahu memperbaiki alat muzik. Beliau tahu kalau saksofonnya rosak atau tidak dengan meniupkan asap rokok. Kalau asap keluar, bermakna alat perlu diperbaiki.

Almarhum meninggal pada 25 Disember 1968. Kepergian beliau adalah di zaman industri perfileman Melayu Singapura pudar.

Lagu "Tari Bunga Rampai" nyanyian Jasni adalah ciptaan Yusoff B dengan lirik oleh S. Sudarmaji. Rakaman semula lagu itu pernah dibuat oleh Gaya Zakry, juga Faridah M. Amin. Versi Jasni itu yang diiringi oleh Yusoff B Orchestra dan dirakamkan pada 1959. Sebuah lagi lagu pada rekod

yang sama Pathe PTH 244 ialah Jangan Marah2 juga ciptaan Yusoff B tetapi lirik oleh Jamil Sulong.

Antara lagu ciptaan Yusoff B:

Nona-nona Zaman Sekarang - Sandra Reemer dengan orkestra pimpinan Frans Kerkhof

Tari Selendang - Jasni/Momo & Yusoff B Orkestra

Tari Selendang - Ismail Haron & Anita Sarawak

Jefri Zain (lirik: Jamil Sulong) - Kartina Dahari & Orkes Puspawarna- filem: Gerak Kilat

Budak Hitam (lirik: Noordin Arshad) - Saloma/Aziz Jaafar - filem: A Go Go 67

Waspada (lirik: Noordin Arshad) - Saloma/Aziz Jaafar - filem: A Go Go 67

Jangan Pilih Yang Cantik - Rosemaria. Lagu asal nyanyian Saloma dengan lirik berlain susunan S. Sudarmaji.

Satu lagi lagu ciptaan Yusoff B, OST dari filem Sengsara Lakonan Normadiah & Yusoff Latif ialah Selalu Di Hati versi filem dinyanyikan oleh R Azmi dan Lena.

Untuk versi nyanyian kanak-kanak, ada tiga suara berpadu tapi tidak pasti suara siapa?

Lagu itu bertajuk Selalu Di Hatiku - dinyanyikan dua kali dalam filem Sengsara (1953). Kali pertama dinyanyikan oleh Zaleha (Adik Rahmah - mungkin Rahmah Rahmat), Rosli (Adik Rahman - Rahman Rahmat) dan Sabaruddin (Daeng Idris). Saya kurang pasti suara siapa yang digunakan dalam nyanyian itu, tapi rasanya Rahman Rahmat menggunakan suara sendiri sebab suara nyanyian dan ketika menuturkan dialog ada persamaan. Kali kedua dinyanyikan di pentas pertunjukan sewaktu Zaleha (Normadiah) dan Rosli (Yusoff Latiff) sudah dewasa. Normadiah menggunakan suara Lena manakala Yusoff Latiff - suara R. Azmi. Normadiah waktu itu baru berhijrah ke MFP dari Studio Nusantara dan belum menggunakan suara sendiri untuk adegan menyanyi.

Versi piring hitam dinyanyikan oleh Jasni dan Lena iringan Yusoff B Orchestra. Pada piring hitamnya, Pathe PTH 155 yang diterbitkan pada 1955, nama Yusoff B sebagai pencipta lagu dan S. Sudarmaji sebagai penulis lirik tidak dicatatkan, tetapi nama mereka tercatat pada filemnya.

Lagu nyanyian Jasni iringan Yusof B Orkestra - Menari Calypso. Lagu ciptaan Yusof B dan lirik susunan Jamil Sulong.

Beberapa lagu ciptaan Yusoff B nyanyian Jasni

Jangan Berlagak Sombong

Juitaku

Cinta Sama Cinta - dengan Asiah

Gelora Cinta - dengan Asiah

Pada rekod Jangan Berlagak Sombong hanya nama Yusof B yang dicatat, mungkin allahyarham mencipta lagu dan menulis liriknya sekali. Rekod Cinta Sama Cinta pula mencatatkan nama S. Sudarmaji sebagai penulis liriknya. Lirik lagu Menari Calypso ditulis oleh Jamil Sulong. Lagu2 lain tu tak tahu siapa penulis liriknya. Jalan terbaik untuk mengetahuinya adalah dengan bertanya pada anak allahyarham sendiri tentang lagu2 ayahnya.

Nona-nona Zaman Sekarang (Yusoff B) - Orkes Ger van Leeuwen

Semarak Hati (Yusoff B/S. Sudarmaji) - Jasni & Lena dgn Yusoff B Orchestra - Pathe PTH 156 (1955)  
Filem: Juwita (1951)

<http://www.mediafire.com/download.php?1ciycz2jzy>


Manis Budi Bahasa (Yusoff B/S. Sudarmaji) - Asiah & Aziz Jaafar dgn Yusoff B Orchestra - Pathe PTH 187 (1957)

Filem: Chemburu (1953)

<http://www.mediafire.com/24mbcnj2kzd>

#### OSMAN AHMAD

Osman Ahmad dilahirkan pada tahun 1910. Beliau mula bertugas di Studio Malay Film Productions selepas zaman pendudukan Jepun sekitar tahun 1948. Dengan orkestra Malay Film Productions, beliau mengukir nama dengan menghasilkan muzik dan mencipta lagu untuk 40 buah filem antaranya yang terkenal ialah Lela Manja dan Batu Belah Batu Bertangkup. Beliau banyak berkongsi ilmu dengan penggubah lagu terkenal pada zaman 50-an seperti Yusob B, Ahmad Jaafar dan P.Ramlee sendiri. Kebanyakan lagu-lagu ciptaan beliau di rakamkan di Studio His Master's Voice (HMV) yang kemudiannya dikenali sebagai Studio EMI. Antara lagu-lagu ciptaan Osman Ahmad ialah Gunung Payung, Rintihan Dijiwaku ( Filem Batu Belah Batu Bertangkup), Hidup Berdua ( Filem Bakti), Juwitaku Sayang (Filem Pembalasan), Mabuk Kepayang, Malam Ku Bermimpi ( Asmara Bergelora) (Filem Nasib) dan Merpati Dua Sejoli (Filem Bakti). Lagu-lagu ciptaannya banyak dinyanyikan oleh penyanyi seperti Saemah, Julia, Lena Abdullah dan A. Rahman ( Ayah R. Ismail). Sementara proses rakaman dijalankan di His Master's Voice di MacDonald House. Di sanalah, beliau berganding bahu dengan para penggubah MFP seperti Yusoff B, Ahmad Jaafar, dan P. Ramlee. Antara lagu gubahan beliau ialah Berhati Lara, Gadis Teruna, Hati Gelisah dan Dayung Sampan (semuanya dalam filem Aloha pada tahun 1950), Juwitaku Sayang, dalam filem Pembalasan, Malamku Bermimpi, dan Seri Dewi Malam.



Kedua-dua orang tua Osman dipercayai berasal dari Semarang, kota pesisir di Jawa, berhijrah dan

kemudian menetap di Arab Street, Singapura. Ayahnya pencaai emas, manakala ibunya suri rumah sepenuh masa.

Disebabkan hambatan kemiskinan, Osman belajar muzik dalam keadaan yang sukar. Semasa remaja, dia menggunakan buluh sebagai seruling dan kadkod pula sebagai gitar.

Pada tahun 1935, Osman berkahwin dengan Annie Abdullah dan dikurniakan 12 anak, tetapi hanya 10 orang yang hidup.

Dengan keluarga yang besar, beliau menjadi pemuzik untuk menambahkan pendapatannya. Pada sebelah siang, beliau bekerja sebagai pembaca meter dengan sebuah majlis tempatan, manakala sebelah malam sebagai pemuzik.

Osman juga pernah membuka sebuah kumpulan bangsawan dikenali Madam Bangsawan tetapi tidak mendapat sambutan. Beliau kemudian menjadi pemuzik dengan Royal Star Opera. Disebabkan pendapatannya tidak besar, beliau menjadi pegawai dengan Keretapi Tanah Melayu (KTM).

Selepas era pendudukan Jepun (1942-1945), banyak kumpulan bangsawan tidak dapat bergerak dengan aktif. Sebaliknya, kegiatan perfileman mula berkembang. Dengan pengalaman yang dimilikinya, Ahmad ditawarkan bekerja dengan MFP.

Bertugas dengan Orkestra MFP, mengubah nasibnya. Namanya terukir sebagai pemuzik handalan apabila beliau menghasilkan lagu untuk 40 filem. Beliau juga pernah memberi tunjuk ajar kepada P Ramlee mengenai teknik penyusunan lagu.

Lagu ciptaannya yang terakhir berjudul *Impian Suci* untuk filem *Bidasari* (1964). Lagu yang liriknya ditulis oleh Zulkifli Ahmad (bekas suami pertama Sarimah) itu dinyanyikan oleh Rahimah Simin.

Lagu *Juwitaku Sayang* (Nyanyian P.Ramlee & Lena - Filem Pembalasan -1950) dan *Tanda Kasih* (Nyanyian Ahmad Mahmud & Rahmah Rahmat - Filem Isi Neraka) adalah dua daripada lagu2 ciptaan Osman Ahmad yang popular. Sebuah lagi ciptaannya yang amat popular ialah *Yale-Yale* dalam filem Yatim Piatu, 1952 (Nyanyian Momok Latif suara ghaib untuk Saadiah ). Momok merakamkan lagu itu ke piring hitam pada tahun 1953. Kemudian penyanyi Indonesia Hasnah Tahar merakamkan semula lagu itu pada akhir tahun 50-an bersama Orkes Melayu Bukit Siguntang.

Sebahagian besar lagu-lagu yang dinyanyikan oleh Seniwati Normadiah terutamanya lagu-lagu filem adalah ciptaan Osman Ahmad. Antaranya ialah *Penggodaan*, *Seloka*, *Jangan Merajuk*, *Sejuta*, *Rayuan Berirama*, *Suratan Takdir*, *Melati Suci*, *Sumpah Tanda Setia*, *Di Alam Rimba*, *(Seri) Dewi Malam*, *Hasrat Rohani* dan *Tidurlah Nanda*.

Adalah dipercayai Osman Ahmad telah mengubah ratusan lagu disepanjang hayatnya. Namun hanya 36 lagu di bawah nama beliau. Lagu-lagu Osman Ahmad seperti "Pengantin Bersanding" dan "Kasih Ibu" telah diguna dalam buku teks "Rakyat Yang Baik", sementara banyak lagi yang dirakamkan di bawah label HMV (His Master's Voice). Sungguh pun zaman mudanya susah, Osman Ahmad telah berjaya mencapai kemuncak kerjayanya berkat keazaman yang kuat.

Lagu-lagu lain gubahan Osman Ahmad adalah seperti berikut:-

Gadis Melayu - Momo & Osman Ahmad Orchestra

Janji Diikat (lirik: Jamil Sulong) - Normadiah & Osman Ahmad Orchestra - filem: Ribu. *Sharifah Aini* memiliki lagu *Janji Diikat* untuk dimuatkan dalam EP keempatnya yang bertajuk *Perasaanku* keluaran 1972.

Hasan Hasnah (lirik: Jamil Sulong) - Asiah/Ismail Kassim & Osman Ahmad Orchestra - filem Ayer Mata. *Versi kitar semula oleh Uji Rashid & Hail Amir* dengan tajuk *Abdul dan Uji* dan lirik berlainan.

Pelita Hati (lirik: Zainal Abbas) - Kamariah & Osman Ahmad Orchestra

Asmara Bergelora - P. Ramlee & Asiah - filem: Nasib. Pada tahun 1962 P. Ramlee dan Saloma merakamkan semula lagu ini tetapi dengan tajuk *Malam Ku Bermimpi* dengan liriknya diubah sedikit oleh S. Sudarmaji.

Dewi Malam (lirik: Jamil Sulong) nyanyian Normadiah iringan Osman Ahmad Orchestra. *Versi filem (Putera Bertopeng)* nyanyian Saloma untuk Latiffah Omar. *Rakaman semula oleh Sharifah Aini* dengan tajuk *Seri Dewi Malam* pada 1970 menghiasi EP pertamanya yang juga diberi judul *Seri Dewi Malam*.

Tasek Madu - *Versi asal (rekod)* nyanyian P. Ramlee & Lena. *Versi filem (Aloha)* nyanyian R. Azmi (untuk Osman Gumanti) dan Lena (untuk Mariam). *Tasik Madu - Uji Rashid & Hail Amir*.

Betapa Riangnya (lirik: S. Sudarmaji) - P. Ramlee & P. Ramlee Orchestra - filem: Puteri Gunung Banang (*versi filem nyanyian Aziz Jaafar* untuk Ahmad Mahmud)

*Juwitaku Sayang - Ahmad Jais & Rafeah Buang. Versi asal: P. Ramlee & Lena. Filem: Pembalasan.*

Di Tanjong Katong Nyanyian Saloma iringan Ahmad Wan Yet's Orchestra ( Di Tanjong Katong) yang dikatakan ciptaan Ahmad Patek. *Versi Kartina Dahari.*

Lagu berirama Melayu asli *Embung Menitik* juga ciptaan Ahmad Patek (*Abang Osman Ahmad*) (seperti yang tercatat pada pembukaan filem *Seniman Bujang Lapok*).

Osman Ahmad meninggal dunia di rumahnya di Geylang, Singapura pada 30 November 1964.

#### KASSIM MASDOR

Anak kelahiran Singapura pada 19 September 1938 ini menerima pendidikan Sekolah Melayu, satu-satunya komposer veteran yang telah berkecimpung dalam industri muzik Singapura selama setengah abad, mulai tahun 1950an sehingga ke hari ini. Pemuzik Singapura ini berbangga dapat menuntut dengan P. Ramlee dan menjadi kawan kepada seniman tersebut vnz beliau anzzaop sebazai abanz. Kerana



kemiskinan, beliau terpaksa bekerja pada usia remaja di Studio Malay Film Productions di Jalan Ampas.

Kassim mula berkhidmat dengan Shaw Brothers' Malay Film Productions (MFP) sebagai seorang kerani pada tahun 1952. Beliau bertekad mengasah bakat dalam bidang muzik dan azam ini semakin menebal apabila beliau bertemu dengan P.



Ramlee dan tokoh-tokoh lain di MFP. Anak muda ini berguru dengan P.Ramlee dan Osman Ahmad. Beliau pandai bermain gitar, piano dan zilofon dan menghargai keperihan bekerja dengan P. Ramlee dan bagaimana pengalaman tersebut telah menjadikan beliau seorang pemuzik yang baik.

Kassim pernah berkata, " Abang Ramlee selalu memaksa saya bekerja hingga lewat malam untuk menyiapkan skor-skor muziknya, ia memang memenatkan tetapi satu pengalaman yang begitu berharga". Pada tahun sekitar 1956, Kassim sudah dianggap pengubah dan penyusun muzik yang berkebolehan.

Beliau turut menjadi anggota perintis Panca Sitara, sebuah kumpulan padusuaara yang diasaskan oleh P.Ramlee. Pada 1968, sebaik sahaja Shaw Brothers membuat keputusan menutup Studio Jalan Ampas, Kassim dipanggil EMI Singapura untuk menjadi penerbit, komposer dan penyusun muzik di situ. Sepanjang lima tahun bersama EMI, Kassim menerbitkan lebih 60 buah album dan dipandang tinggi sebagai salah seorang komposer ulung pada akhir tahun 60an hingga ke tahun 70an.

Muzik Melayu sepanjang dekat 1960-an dan 1970-an dikuasai oleh karya Kassim Masdor yang menampilkan penyanyi seperti Kartinah Dahari, Ahmad Duad, Ahmad Jais, Alahyarham Rafeah Buang, Sanisah Huri, Sharifah Aini dan Fazedah Joned. Malah bersama Mr. Teo dan Yusnor Ef, Kassim pernah menubuhkan syarikat rakaman Senada pada awal tahun 70-an. Beliau pernah menjadi pengarah muzik bagi 18 buah filem terbitan Singapura dan Malaysia. Sehingga kini Kassim telah mengubah lebih dari 400 buah lagu yang kebanyakan liriknya ditulis oleh sahabatnya, Yusnor Ef, anak murid P.Ramlee.

Pada Oktober 2002, Kassim diberikan Anugerah Pencapaian Artis Sepanjang Hayat oleh Persatuan Pemuzik Melayu Profesional Singapura (PERKAMUS) sempena ulang tahun PERKAMUS yang ke 10.

#### AHMAD WAN YET

Nama sebenar Ahmad Wan Yet ialah Syed Mohamad Wan Yet bin Angkap, dilahirkan pada tahun 1924. Banyak mencipta dan mengubah lagu-lagu untuk filem-filem Melayu terutamanya filem-filem terbitan Maria Menado Film Productions. Ahmad Wan Yet juga banyak mencipta lagu-lagu untuk iklan. Seorang pemuzik dan pencipta lagu yang baik hati, penyabar, tekun mengajar, ramah, suka bergurau, tidak sombong, tidak lokek, dan bersifat merendah diri dimana beliau sanggup untuk belajar dan bertanya sesuatu yang baru tentang muzik dari Dato' Johari Salleh sekembalinya ke tanah air setelah menamatkan pengajian muziknya dari luar negara. Menurut Dato' Johari Salleh beliau telah kenal rapat dengan pengubah lagu Ahmad Wan Yet sejak beliau berumur 17 tahun lagi.

Ketika negara berada di ambang kemerdekaan Ahmad Wan Yet mencipta lagu-lagu bercorak patriotik, salah satu lagu tersebut, *'Merdeka'* dicipta dan digubahnya dan lagu itu telah dihadiahkan kepada Tuanku Abdul Rahman.

Dalam bidang perfileman, Ahmad Wan Yet adalah merupakan seorang kenalan rapat dengan Dato' Maria Menado dimana beliau banyak mengubah dan mencipta lagu-lagu untuk filem keluaran Syarikat Filem Maria Menado Film Production seperti Filem *Korban Fitnah*. Antara lagu-lagu gubahan dan ciptaan Ahmad Wan Yet untuk filem tersebut ialah lagu *BAHAGIA* nyanyian Maria Menado sendiri dan juga Lagu *Burung Dalam Sangkar* nyanyian Abdullah Chik.

Ahmad Wan Yet juga menjadi komposer yang mengiringi lagu-lagu nyanyian Asiah Tuah, P.Ramlee dan Saloma dalam Rancangan Kalung Senandung yang diterbitkan dalam 6 episod. Lagu tema rancangan tersebut, *Kalung Senandung* dinyanyikan oleh Asiah Tuah dicipta dan digubah oleh Ahmad Wan Yet.

Antara lagu lain ciptaan Ahmad Wan Yet yang dinyanyikan oleh Asiah ialah Lagu *Sireh Pulang Ke Gagang* dimana liriknya ditulis oleh Ismadi. Dengan orkestra yang ditubuhkan sendiri olehnya, Orkestra Kencana, Ahmad Wan Yet pernah mengiringi nyanyian Saloma dengan lagu gubahannya bertajuk *Senyum Malam*.

Antara penyanyi-penyanyi yang menyanyikan lagu-lagu ciptaan dan gubahan Ahmad Wan Yet ialah Fazedah Joned, Abdullah Chik, Saloma, Maria Menado, Ahmad Daud, Siti Mariam dan Rosiah Chik. Lagu *Malar Segar*, *Kenang Daku Dalam Doamu*, yang dipopular dan dinyanyikan oleh M Bakri adalah hasil ciptaan dan gubahan Ahmad Wan Yet. Lagu nyanyian duet Saloma & Ahmad Daud, *Mambang Biru*, dimana liriknya ditulis oleh S Sudarmaji adalah ciptaan Ahmad Wan Yet.

Jika anda ingin mendengar kemerduan lagu-lagu ciptaan dan gubahan Ahmad Wan Yet, dengarkanlah satu lagu popular yang dinyanyikan oleh Saloma yang kemudiannya dinyanyikan semula oleh beberapa penyanyi terkemudian seperti Uji Rashid iaitu *Lagu Mengapa Dirindu* yang liriknya ditulis oleh Zain Mahmud.

Ahmad Wan Yet meninggal pada 14 hb Jun 1980 dalam usia 56 tahun.

#### WANDLY YAZID

Wandly Yazid dilahirkan di Bukit Tinggi Padang, Daerah Suliki, Sumatera Barat, pada 24 hb Februari 1925. Wandly mendapat pendidikan rendah dan menengah di Sekolah Belanda di Indonesia dan lulus pengajian tinggi di Institut Latihan Guru di Sumatera Barat. Mula mengenali muzik ketika belajar di sekolah rendah tetapi mula belajar muzik pada usia 17 tahun ketika telah menjadi guru sekolah dimana beliau mengambil keputusan untuk belajar bermain biola dan klarinet dibawah pimpinan Pak Hamid dan En. I



bree. Wandy juga belajar melukis dan bermain piano dengan En. Wadiki.

Setelah dua tahun Indonesia diiktiraf Negara merdeka, Wandy telah berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1947 dan seterusnya ke Singapura untuk mencari peluang bekerja sebagai pemuzik dalam industri filem yang kian berkembang pesat. Di Singapura beliau berpeluang mendalami belajar membaca nota muzik dan bermain alat muzik seperti piano dibawah asuhan En Concordio Suliano, bermain biola dibawah asuhan En Raquiza dan Paul Suliano dan juga bermain Saxofon dan klarinet dibawah pimpinan En Paul Martinez. Mereka yang mengajar Wandy Yazid ini adalah guru muzik yang berasal dari Filipina.



Pada tahun 1948, Wandy mula berkhidmat dengan Syarikat Filem Nusantara. Ketika ini beliau berkebolehan dalam bermain piano, biola, klarinet dan meniup saxofon. Wandy telah mengubah lagu-lagu untuk Filem Angin Berpesan dan Pacar Putih. Pada tahun 1952, Wandy Yazid telah menubuhkan Orkestra Wandy Yazid, Orkestra Wandy 5 dan juga Orkestra Megawati dengan Radio Malaya. Pada tahun 1953, Wandy memenangi anugerah Hassan's Homecoming oleh Unit Filem Malaya. Beliau juga adalah ahli *Singapore Symphony Orchestra* sebagai pakar bermain biola.

Wandy adalah pengasas Syarikat Rakaman Fajar pada tahun 1959 dimana beliau mencipta dan mengubah lagu-lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi seperti Julie Sudiro, Orchid Abdullah dan Rosiah Chik. Beliau juga adalah antara pengubah muzik dan guru yang mengasah bakat-bakat penyanyi terkemudian selepas itu seperti Ernie Djohan dan Rafeah Buang.

Pada tahun 1964, Wandy berpindah ke Cathay Keris dan dilantik sebagai pengarah muzik di sana ketika berusia 39 tahun. Beliau mengubah lagu-lagu nyanyian dan muzik latar untuk filem *blockbuster* seperti 'Hang Jebat' arahan Hussain Hanif, 'Tkan Emas', 'Dosa Wanita', 'Gurindam Jiwa', 'Panglima Besi', 'Naga Tasek Chini', 'Jalak Lenteng', Lancang Kuning, 'Kasih Ibu', 'Wan Perkasa', 'Mata Dan Hati', 'Menunggu Kasih', dan 'Udang Di Sebalik Batu'.

Lagu Gurindam Jiwa yang popular dinyanyikan oleh R Ismail dan Rafeah Buang dan diminati baik oleh golongan muda ataupun tua adalah ciptaan dan gubahan Wandy Yazid. Sebagai seorang komposer muzik yang berprofil dan serba boleh, Wandy telah diberi kepercayaan untuk mengubah muzik latar untuk rancangan televisyen Singapura seperti *Pesta Pop* dan juga muzik untuk beberapa rancangan terbitan Radio Singapura. Wandy juga merupakan pemain biola berkebolehan dan ahli *Orkestra Singapore Broadcasting Corporation (SBC)*. Bersama En Ahmad Jarr dan Ahmad Sahab, Wandy menubuhkan kumpulan muziknya sendiri yang dinamakan Trio Kafe Vienna yang mempersembahkan muzik-muzik klasik dan kormesial. Beliau juga mengadakan persembahan secara solo bermain piano di hotel-hotel utama yang diiktiraf.

Wandy juga salah seorang yang bertanggungjawab menubuhkan Megawati Orkestra, yang menegahkan para pemuzik dan komposer berbakat seperti Zainal Abbas, Rahmat Ali, dan Jalil Nordin. Beliau dan kumpulan ini membuat persembahan unntuk Radio Televisyen Singapura (RTS) di zamannya.

Wandy Yazid adalah ahli jawatankuasa KOMPASS, PERKAMUS, APAD, NiniEk Mamak (Council of Advisors) SMA, dan National Arts Council (NAC).

Selepas bersara pada tahun 1992, selain meneruskan persembahan muziknya, Wandy juga menjadi guru mengajar muzik kepada generasi muda termasuklah artis-artis angkatan baru. Beliau juga melukis di pertunjukan-pertunjukan seni seperti:-

- 2001: *Contemporary 2001*, tajaan Association of Artists of Various Resources (APAD), Singapore Calligraphy Centre
- 2005: *Lakaran Warisan*, tajaan Taman Warisan Melayu (Malay Heritage Centre)

#### Anugerah & Pengiktirafan

- 1953: *Anugerah Dokumentari Terbaik*, oleh Malayan Film Unit untuk *Hassan's Homecoming*. Kategori Muzik Latar Persembahan Terbaik Wandy Yazid.
- 2001: *Jasawan Agung Minang (Meritorious Minang Award)*, oleh *Persatuan Minangkabau Singapura* atau Singapore Minangkabau Association (SMA).
- 2001: *Anugerah Meritorious COMPASS*, oleh Composers and Authors Society of Singapore (COMPASS).
- 2002: *7 Magnificent Composers (7 Tokoh Muzik)*, oleh Association of Malay Singers, Composers and Professional Musicians (PERKAMUS). Pengiktiraf Tertinggi kepada Komposer-Komposer Wandy Yazid, Zubir Said, Osman Ahmad, Yusoff B. Ahmad Jaafar, P. Ramlee and Kassim Masdor.

Wandy Yazid meninggal pada 5 hb Ogos 2005 pada usia 80 tahun di kediamannya di Jalan Aljunied Singapura, meninggalkan seorang balu, Hajjah Iswanar Wahid dan 5 orang anak - kesemua berkelulusan universiti.

#### ACHMAD C.B.

Achmad Awab Aziz, atau yang lebih dikenali sebagai Achmad C. B, dilahirkan pada 20 Ogos 1914 di Medan, Sumatera. Ketika berumur lima tahun, Achmad C. B telah mengikut bapanya ke Singapura dan kemudiannya ke Dungun, Terengganu. Sejak dari muda lagi Achmad C. B telah menonjolkan minat mendalam dalam bidang nyanyian dan dalam hal ini beliau amat dipengaruhi oleh bapa saudaranya, Said Tripoli, seorang tokoh bangsawan.

Achmad C. B yang giat dalam bidang politik sejak muda menjadi ahli beberapa parti politik Indonesia termasuklah Gerakan Rakyat Indonesia (GERINDO) di mana beliau mengetuai bahagian kebudayaan. Di sini Achmad C. B menggunakan bakatnya untuk membangkitkan propaganda anti-penjajah dan menyemarakkan semangat nasionalisme melalui lagu-lagu dan lain-lain persembahan pentasnya.

Pada tahun 1935, Achmad C. B melancarkan kariernya sebagai seorang penyanyi dan beliau membuat rakaman pertama dengan HMV (His Master's Voice) pada tahun 1963. sajak dari itu, Achmad menambahkan nama singkat "C. B." kepada namanya. C.B. adalah singkatan bagi Cas Bara (panas baran) iaitu nama julukan yang diberikan oleh rakan-rakannya serasi dengan semangat nasionalistiknya yang membara. Penglibatan Achmad C. B yang lain termasuklah kumpulan teater, Seri Pentas Rayuan Asmara, yang membuat kunjungan ke merata Sumatera dan Pantai Barat Semenanjung Malavsia dan Singapura, sebelum dan selepas pendudukan Jepun.

Beliau juga menjadi juara berturut-turut sebanyak tiga kali dalam pertandingan keroncong tahunan di Singapura sejak tahun 1939. Walaupun dikenali ramai sebagai penyanyi dan penggubah bagi banyak lagu patriotik yang mashur seperti Bangun Anakku, dan Melayu Raya, Achmad C.B juga menggubah lagu cinta, misalnya Bulan Mengambang dan lagu kanak-kanak seperti Belalang dan Kupu-Kupu. Lagu-lagu kegemaran ramai termasuklah Enjit-Enjit Semut, Belo-Belo, Rentak 106, Cincin Belah Rotan dan 31 Ogos.

#### AHMAD KHAN BIN NAWAB KHAN (DATUK)

Ahmad Nawab dilahirkan di Pulau Pinang dan masih aktif sebagai penggubah muzik sehingga ke hari ini. Selain dari P.Ramlee, beliau merupakan penggubah dan pencipta sebahagian besar lagu-lagu filem keluaran Studio Merdeka Ulu Kelang (sekarang ini tapak studio tersebut di jadikan tapak FINAS). Ahmad Nawab telah mungguh muzik untuk filem Si Tora Harimau Jadian dan lagu-lagu Taman Firdausi dan Ilham Tiba nyanyian P.Ramlee & Saloma untuk Filem Nasib Do Re Mi. Beliau mahir bermain alat muzik saxophone dan telah menghasilkan gubahan lagu untuk ramai penyanyi popular tanah air dan luar negara yang popular dan berbakat besar seperti Hetty Koes Endang, Khatijah Ibrahim, Sudirman Hj. Arshad, Uji Rashid, Ramlah Ram, Broery Marantika dan ramai lagi.



Dato' Dr. Ahmad Nawab merupakan seorang komposer muzik yang terkenal di Malaysia dan masih lagi bergiat aktif dalam pengubahan lagu sehingga ke hari ini. Sepanjang penglibatannya dalam dunia muzik, beliau telah menghasilkan lebih 200 buah album.

Popularitinya telah membuktikan bahawa lagu-lagu ciptaannya adalah berkualiti, di mana beliau masih mampu mengekalkan serta dapat bertahan lebih dari tiga puluh tahun dalam dunia muzik tanah air walaupun terdapat kemunculan ramai komposer-komposer muda yang serba berkebolehan.

#### PENULIS LIRIK DI ZAMAN KEGEMILANGAN FILEM MELAYU


##### SYED SUDARMAJI BIN SYED ABDULLAH (S SUDARMAJI)

Syed Sudarmaji lebih dikenali sebagai S Sudarmaji dilahirkan pada tahun 1942 di sebuah daerah di Jogjakarta, Indonesia. Beliau memulakan kerjayanya dengan Malay Film Productions pada tahun 1948 sebagai kerani kontinuiti. Beliau mempunyai latar belakang seni - boleh menulis lirik, berlakon, menyanyi lagu-lagu keroncong dan menari tarian Jawa dan Bali. Pernah berlakon bersama P.Ramlee dalam Filem Chinta, Seniman Bujang Lapok dan Nasib Si Labu-Labi. P.Ramlee kerap mengambil beliau sebagai penolong pengarah dan membantu menulis skrip semasa di Malay Film Productions, Jalan Ampas Singapura. Pada tahun 1952, beliau menulis lirik untuk lagu-lagu filem Anjuran Nasib yang dihasilkan oleh P.Ramlee. Keakraban S Sudarmaji dengan P.Ramlee membolehkan beliau menghasilkan lirik lagu-lagu yang meluahkan atau menggambarkan perasaan P.Ramlee seperti dalam Filem Ibu Mertuaku - Jangan Tinggal daku, Di Mana Kan Ku Cari Ganti, Jeritan Batinku dan Putus Sudah Kasih Sayang yang mungkin menceritakan sebahagian daripada kisah hidup P.Ramlee. Selepas penutupan Studio Malay Film Production di Jalan Ampas pada 16 September 1968, S Sudarmaji mengarah Filem Ibulah Syurga yang kesemua pelakon-pelakonna adalah bekas-bekas bintang filem MFP seperti Aziz Jaafar, Normadiah, Saadiah, Saamah, Omar Suwita, Rahmah Rahmat, Aziz Sattar dan Sharif Dol yang berkongsi modal menubuhkan Syarikat Perfileman GAFICO. Namun kerana ketiadaan modal GAFICO tidak dapat bertahan lama. Bekas-bekas pelakon MFP ini akhirnya ada yang menyertai Cathay Keris Filem dan ada yang berhijrah ke Studio Merdeka Kuala Lumpur. S Sudarmaji meninggal dunia pada tahun 1989.



##### JAMIL SULONG

Beliau merupakan aktivis seni yang bergiat aktif sejak penubuhan ASAS 50. Dilahirkan di Parit Sulong, Batu Pahat pada 6 Ogos 1926. Beliau mula bekerja sebagai penterjemah dan kemudian sebagai penolong pengarah di Syarikat Malay Film Production pada tahun 1951. Pernah berlakon bersama P.Ramlee di awal pembabitan sineman itu di tahun 50-an seperti Filem Patah Hati (1952) dan Miskin (1952). Filem arahnya yang pertama berjudul Batu Belah Batu Bertangkup dan Filem Raja Melewar merupakan filem arahnya yang terakhir. Antar filem lakonan dan arahan P.Ramlee dimana beliau bertugas menulis lirik lagu untuk filem ialah filem Hujan Panan (1953), Siapa Salah (1953), Panggilan Pulau (1954), Hang Tuah (1955), Anakku Sazali (1956), Penarik Beca (1955) dan Semerah Padi (1956). Pernah menjadi penulis tamu (Ahli Cipta) di Universiti Sains Malaysia (USM), Ketua Panel Penilai Skrip di FINAS dan menjadi AJK Akedemi Filem di FINAS. Buku karangannya, Kaca Permata telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa & Pustaka pada tahun 1987. Sepanjang penglibatannya dalam bidang perfileman, beliau






telah berjaya meraih anugerah di Festival Filem Asia Fasifik untuk filem arahan dan terbitan syarikatnya, R.J. Filem Sdn. Bhd.

#### H M ROHAIZAD

Nama sebenar H M Rohaizad ialah Syed Mohd. Hamid bin Syed Muhammad Al-Sagoff dan dilahirkan pada tahun 1926. Beliau mula berkhidmat dengan menggunakan nama samaran H.M.Rohaizad. Sebelum memasuki dunia perfileman, beliau terlibat dalam dunia lakonan sendiwara. Di Malay Fil Production (MFP) Shaw Brothers, beliau pernah menjadi penolong pengarah untuk filem-filem seperti Kerana Kau dan Iman. Antara pengarah-pengarah filem dimana beliau menjadi penolong pengarahnya ialah B N Rao, S Ramanathan, Rolf Bayer, Bert A. Avellana, Kidar Sharma dan Ramon A Estalla. H M Rohaizad merupakan salah seorang dari penaja PERSAMA dan pernah menjadi presiden Kesatuan Pekerja Pekerja di Studio Malay Film Productions. Bekas suami pelakon Mariani ini adalah salah sorang pekerja Shaw Brothers, selain dari Omar Rojik, S. Kadarisman, Syed Hassan Sahab dan Musalmah yang pernah disingkir dari MFP ketika berlaku pemogokan pekerja-pekerja sekitar tahun 1957 tetapi atas rundingan pihak Shaw Brothers dengan Tuanku Abdul Rahman, mereka semuanya diterima semula bekerja. Dalam bidang muzik pula, P.Ramlee sering meminta beliau mencipta dan menulis senikata dan gurindam lagu-lagu filem dan nyanyian P.Ramlee yang digubah dan dinyanyikan sendiri oleh P.Ramlee seperti Hujan di Tengah Hari, Selamat Berbahagia Wahai Kekasih dan Zuraidah. Pernah berlakon bersama P.Ramlee seperti dalam filem Merana dan Anakku Sazali. H M Rohaizad meninggal pada tahun 1961.



#### YUSNOR EF

Nama sebenarnya ialah Mohd Nor bin Mohd. Yusofe, dilahirkan pada 12 September 1937. Beliau merupakan seorang guru di Singapura dan kemudian beralih tugas sebagai penulis buku teks di Kementerian Pendidikan Singapura. Sebelum bersara Yusnor Ef pernah menjawat jawatan sebagai Penerbit TV Pendidikan ( Educational Television Programme) Kementerian Pendidikan Singapura. Beliau aktif menulis lirik lagu sejak tahun 1959 dan telah menghasilkan lebih 350 buah lirik lagu sehingga kini. Semasa P.Ramlee berpindah ke Studio Merdeka Kuala Lumpur, Yusnor Ef berulang alik dari Singapura ke Kuala Lumpur untuk belajar menulis skrip filem. Filem pertama Yusnor Ef menulis lirik lagu ialah filem 'TUNGGAL' arahan S Kadrisman bagi lagu-lagu yang dicipta oleh P.Ramlee. Antaranya ialah Joget Istana, Tari Panglima dan Bermandi Manda semuanya nyanyian Nori Ismail. Antara lagu-lagu rakaman piring hitam nyanyian P.Ramlee yang liriknya ditulis oleh Yusnor Ef ialah Senjakala dan Ting Tara Tilala. Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah COMPASS, Presiden PERKAMUS (Persatuan Penyanyi dan Karyawan Muzik Melayu Singapura) selain memikul jawatan penting di Majlis Seni Kebangsaan (NAC) dan Development of The Malay Movie Committee . Pernah menghasilkan beberapa buku tentang P.Ramlee dan muzik melayu antaranya ialah P.Ramlee Yang Saya Kenal, 7 Tokoh Muzik dan Perkembangan Muzik Melayu sejak 40-an. Selain dari itu beliau juga menerbitkan program dokumentari televisyen, antaranya Melodi P.Ramlee, Gemilang Filem Melayu, Muzik Sepanjang Zaman dan Rentra (Rentasan Muzik Nusantara).

